

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1991/1992

Oktober/November 1991

EBS 201/3 - Geologi II

Masa : [3 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH soalan semuanya.

Jawab LIMA dari tujuh soalan.

Semua soalan mengandungi markah yang sama.

Semua soalan MESTILAH dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. Bincangkan dengan ringkas istilah-istilah berikut:
  - [a] Faktor kepekatan
  - [b] Gred bijih
  - [c] Jasad bijih
  - [d] Epigenesis
  - [e] Singenesis
  - [f] Stratiform
  - [g] Stratabound
  - [h] Bendalir pemineral
  - [i] Mineral berharga
  - [j] Mineral reja
  
2. Perihalkan dengan jelas tabii proses asal mula bijih berikut, dan sertakan dengan contoh-contoh yang munasabah.
  - [a] Pengasingan magma
  - [b] Hidroterma
  - [c] Proses metamorfik
  - [d] Mendakan sedimen
  - [e] Pengayaan supergen
  
3. Bandingkan kelainan dan kesamaan mendapan kuprum porfiri dengan mendapan molibdenum porfiri.
  
4. Bincangkan bagaimana kelima-lima faktor pemineralan berinteraksi di antara satu sama lain di dalam kejadian mendapan bijih.
  
5. Senaraikan ciri-ciri umum longgokan epiterma dan bandingkan dengan longgokan mesoterma.
  
6. Mendapan plaser berlaku disebabkan oleh penumpukan mekanikal. Huraikan.
  
7. Bijih besi adalah sangat perlu dan penting dewasa ini. Kejadiannya memang pelbagai dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Terangkan konsep-konsep yang dikemukakan bagi menjelaskan kejadian bijih besi. Gunakan contoh di mana perlu.